

13 APR 1997

PENAGIH INGIN PULIH DIBERI NETHROZONE

TELUK INTAN, 13 April (Bernama) -- Kerajaan akan memperkenalkan kaedah rawatan menggunakan ubat nethrozone kepada penagih dadah yang ingin dipulihkan secara sukarela.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata, kaedah berkenaan telah dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai rawatan kepada mereka yang ingin berhenti menagih.

"Perdana Menteri mengemukakan persetujuannya agar penagih dadah diberi rawatan menggunakan ubat nethrozone itu selepas cadangan mengenainya dikemukakan bulan lalu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan majlis Deklarasi Pemuda 97 anjuran Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Teluk Intan dan Polis Daerah Hilir Perak di sini hari ini.

Megat Junid yang juga Yang Dipertua Pemadam berkata Majlis Anti Dadah Kebangsaan telah memohon peruntukan sebanyak RM3 juta daripada Kementerian Kewangan bagi melaksanakan projek penggunaan ubat itu an dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Projek rawatan perintis menggunakan kaedah itu membabitkan 2,000 penagih daripada 16,000 penagih yang terdapat di 29 buah pusat serenti di seluruh negara, katanya.

Namun begitu, kata Megat Junid, keberkesanan kaedah rawatan itu hanya dapat dinilai dalam masa enam bulan.-- BERNAMA

KY MAI